

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH  
(SUNGAI BULOH)**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk setiap Penjara dan Pusat Tahanan Imigresen di Malaysia untuk tempoh 18 Mac 2020 sehingga 15 Oktober 2020 untuk semua banduan/tahanan dan kakitangan secara berasingan seperti yang jumlah keskes COVID 19 yang positif, jumlah ujian PCR yang telah dijalankan, jumlah yang dimasuk dalam hospital, jumlah yang masuk dalam ICU dan jumlah kematian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa institusi penjara telah terjejas dengan wabak COVID-19, di mana jumlah banduan dan tahanan yang telah diuji atau disaring dari 29 Ogos 2020 sehingga 21 Oktober 2020 adalah seramai 25,734. Manakala pada tempoh yang sama, seramai 8,743 anggota dan keluarga anggota telah disaring.

Statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 21 Oktober 2020 menunjukkan jumlah positif COVID-19 dalam kalangan banduan di penjara seluruh negara adalah sebanyak 1,434 kes dan bagi anggota serta keluarga anggota adalah 91 kes. Manakala, satu kematian masing-masing berlaku di kalangan banduan, kakitangan dan keluarga kakitangan.